



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

### **ISU PELAKSANAAN CUKAI BARANG & PERKHIDMATAN (GST) TERHADAP ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil berat akan kekesalan yang dizahirkan oleh golongan OKU berkaitan GST yang telah dilaksanakan kepada semua rakyat Malaysia termasuk golongan OKU.

Sememangnya telah wujud peraturan di bawah Akta GST 2015 iaitu OKU boleh mendapat pelepasan GST (melalui NGO berdaftar) dengan menunjukkan Borang Pelepasan Cukai GST kepada peniaga.

Beberapa siri perbincangan turut diadakan bersama ahli-ahli Majlis OKU dan juga wakil-wakil NGO yang mana mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan agar OKU dapat membeli terus alat bantuan daripada pembekal dengan pelepasan GST.

Perbincangan khas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Kastam Diraja Malaysia (KDRM) juga ada menyatakan bahawa golongan OKU boleh mendapatkan pelepasan GST(melalui NGO berdaftar) terhadap alat bantuan untuk mereka contohnya peralatan tiruan atau sokongan, kerusi roda, alat bantuan pendengaran, tongkat, kasut khas dan alat bantuan penglihatan seperti yang termaktub di bawah Butiran 7 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

Akta GST 2015 memperuntukkan tentang pelepasan GST tetapi ada yang tidak mengetahuinya. Oleh itu, peniaga juga perlu peka tentang perkara ini dengan memberikan pelepasan sekiranya ada NGO berdaftar yang mengemukakan borang berkenaan ketika membeli peralatan terbabit.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan dan akan sentiasa meneliti keperluan-keperluan lain untuk terus memberi kemudahan kepada golongan OKU dalam isu ini.

Segala perkara yang dibangkitkan oleh golongan OKU mengenai GST akan diperhalusi dan dilihat secara serius dalam Majlis Mesyuarat Kebangsaan OKU yang akan datang.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
23 Mac 2016